



GAMBAR anjing yang dimuat naik Tan bagi menafikan perbuatannya.



PATUNG menyerupai Doggie yang dibakar.



LAPORAN polis dibuat Tan.

Ahmad Ismail
am@hmetro.com.my

Segamat

Pada gurauan kasar dengan memuat naik di media sosial kononnya membakar anjing peliharaannya, seorang peniaga terpaksa membuat laporan polis, kelmarin bagi membuktikan ia hanya gurauan selepas teruk dikecaci netizen.

Tan Chong Meng, 35, dari Labis, di sini, berkata pada jam 12 tengah hari Sabtu lalu dia mendapati kasut yang diletakkan di depan rumahnya koyak dipercayai digigit anjing peliharaannya diberi nama Doggie.

Katanya, bagi menunjukkan kotonnya dia marah dengan perbuatan anjing betina berusia tiga tahun itu, Tan mengambil gambar dirinya mengurung haiwan itu dalam sangkar dan membakarnya serta memuat naik gambar ke laman sosial Facebook.

"Sebenarnya saya tidak

Doggie masih hidup lagi!

■ *Pemilik akui silap muat naik gambar kononnya bakar anjing kerana gigit kasut*

menganaya Doggie seperti yang dilihat dalam gambar kerana langsung tidak menderakannya apatah lagi membakarnya. Itu gurauan sebab saya mahu lihat apa reaksi orang ramai.

"Tetapi saya silap kerana tidak sampai beberapa minit gambar itu dimuat naik, pengguna Facebook mula mengcam dan menuduh saya kejam terhadap haiwan, malah ada yang melemparkan kata-kata kesat."

FAKTA
Gambar bangkai anjing rentung adalah patung anjing yang sama dengan warna Doggie

"Saya dan isteri terpaksa menjawab semua komen netizen bahawa saya hanya bergurau dan Doggie sebenarnya masih hidup, tetapi mereka tidak mempercayainya sebaliknya menuduh saya sejngaja mencari helah," katanya ketika ditemui di rumahnya, di sini, semalam.

Katanya, sebenarnya gambar api itu adalah teknik fotografi dan gambar bangkai anjing yang rentung pula adalah patung anjing yang sama dengan warna Doggie.

"Saya membela Doggie sejak haiwan itu berusia tiga bulan selepas diberikan seorang rakan dan kami sekeluarga sayangkannya seperti ahli keluarga sendiri," katanya.

Katanya, dia juga memuat naik gambar Doggie yang masih hidup di media sosial itu, tetapi netizen masih menuduhnya mahu menegangkan benang basah.

"Oleh itu saya tidak ada cara lain dan datang ke Balai Polis Bandar Putra jam 6 petang semalam (kelmarin) untuk membuat laporan bahawa saya tidak melakukan perbuatan kejam itu ke atas anjing peliharaan sendiri," katanya.